



JABATAN WAKAF, ZAKAT & HAJI (JAWHAR)
MALAYSIA

JURNAL PENGURUSAN JAWHAR

Vol. 9, No. 1, 2015

ISSN 1985-2010

KANDUNGAN

Persepsi Niat Penyumbang Wakaf Tunai Yang Tidak Pasti Untuk Menyumbang Lagi dan Hubungannya Terhadap Integriti Insitusi Wakaf Di Malaysia

Fuadah Johari, Mohammad Haji Alias dan Muhammad Ridwan Ab. Aziz

Pendayagunaan Tanah Wakaf Oleh Muhammadiyah: Studi Kasus Rumah Sakit Islam Jakarta

Dr. H. Mas'ud Muhammad Nur, MM

Application Of Aqueous Cream On The Feet Of Malaysian Pilgrims During The Hajj Period For The Prevention Of Skin Blisters And Breakage

Narazah Mohd Yusoff, Imran Abdul Khalid, Hasnah Hashim, Aishah Knight dan Nizuwan Azman

Persepsi Pengguna Laman Web Lembaga Zakat Selangor (LZS) Terhadap Pembayaran Zakat Secara Atas Talian

Khadijah Binti Muda, Dr.Mohd.Daud Bin Awang, Dr.Husniyah Abdul Rahim @ Abdul Wahab & Dayang Shobihah Abang Abai

Wakaf Dalam Sektor Pendidikan Dan Ekonomi Di Negeri Sembilan

Mohamad Khairul Izwan Rifin, Wan Kamal Mujani dan Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad

Penyediaan Tempat Tinggal Golongan Asnaf Menurut Skim Bantuan Agihan Zakat: "Cadangan Penggunaan Tanah Wakaf"

Azila Ahmad Sarkawi, Khairuddin Abdul Rashid dan Sharina Farihah Hasan

Kesedaran Membayar Zakat Perniagaan: Kajian Terhadap Institusi Koperasi Di Selangor

Abdul Rahman Ngatenan @ Adnan, Hairunnizam Wahid dan Sanep Ahmad

JURNAL

JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)
JABATAN PERDANA MENTERI MALAYSIA



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT NO.: AR 9128



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT NO.: MY-AR 5129



CERTIFIED TO MS9001:2005
CERT NO.: AR 5129

PENYEDIAAN TEMPAT TINGGAL GOLONGAN ASNAF MENURUT SKIM BANTUAN AGIHAN ZAKAT: CADANGAN PENGGUNAAN TANAH WAKAF

Azila Ahmad Sarkawi, Khairuddin Abdul Rashid, Sharina Farihah Hasan
Kulliah Senibina dan Rekabentuk Alam Sekitar
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
E-mail: azila@iium.edu.my

ABSTRAK

Islam adalah agama sejahtera yang mengatur tatacara hidup manusia (Al-Maidah:3)³⁶. Ini jelas dalam matlamat syara' (*maqasid al-syari'ah*) itu sendiri di mana sesuatu perkara adalah dituntut supaya di adakan (*daruriyyat*) sekiranya ketiadaannya boleh menjaskan norma-norma kehidupan manusia. Justeru itu dapat difahami bahawa tempat tinggal, pakaian dan makanan adalah keperluan bagi menjamin kelangsungan hidup manusia. Oleh itu, kertas kerja ini membincangkan penyediaan tempat tinggal bagi golongan asnaf yang berkelayakan menurut skim bantuan agihan zakat yang digariskan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri, Malaysia. Melalui sorotan literatur dan perbincangan dengan ahli akademik, kertas kerja ini mencadangkan penggunaan tanah wakaf sebagai tapak pendirian rumah-rumah tersebut. Sudah pasti ianya tertakluk kepada syarat-syarat tertentu, contohnya seperti yang diputuskan oleh Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' Negeri Selangor tahun 1999 mengenai pelaburan harta zakat. Melalui hubung jalin antara zakat dan tanah wakaf, adalah diharapkan keperluan tempat tinggal bagi golongan asnaf dapat ditingkatkan sekaligus mengurangkan jurang ekonomi dan sosial antara golongan ini dengan masyarakat lain. Ini bagi menjamin kehidupan muhibbah sesama manusia melalui perkongsian nikmat Allah di muka bumi.

Perkataan Teras : Tempat Tinggal, Asnaf, Skim Bantuan, Tanah Wakaf

Klasifikasi JEL : C80, I38, N90, Z12

36. "...pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redahkan Islam itu menjadi agama untuk kamu..."

1.0 PENGENALAN

Tempat tinggal, kediaman atau rumah merupakan keperluan asasi manusia. Ini jelas dalam Islam berdasarkan ayat al-Quran yang bermaksud “Dan Allah menjadikan bagi kamu rumah-rumah (yang kamu dirikan itu) tempat tinggal; dan Ia menjadikan bagi kamu dari kulit binatang-binatang ternak: khemah-khemah (tempat berteduh), yang kamu mendapatinya ringan (di bawa ke mana-mana) semasa kamu merantau dan semasa kamu berhenti; dan (Ia juga menjadikan bagi kamu) dari berjenis-jenis bulu binatang-binatang ternak itu, berbagai barang perkakas rumah dan perhiasan, (untuk kamu menggunakan) hingga ke suatu masa” (Al-Nahl:80). Selain daripada itu, tempat tinggal berfungsi sebagai asas kepada pembentukan keluarga seperti yang dapat difahami dari ayat 21 Surah Al-Rum di dalam al-Quran. Hadis riwayat Sa'd ibn Abi Waqqas dari Nabi s.a.w. juga meletakkan rumah yang selesa sebagai salah satu daripada empat faktor kebahagiaan dunia selain daripada isteri, jiran dan pengangkutan yang baik (Ali, 2006, ms. 29).

Namun begitu, keperluan rumah di Malaysia merupakan satu fenomena yang belum ada kesudahannya, bukan hanya untuk golongan asnaf malah melarap ke golongan berpendapatan rendah (pendapatan isi rumah dibawah RM2,500 sebulan). Bagi kawasan bandar, bahangnya turut terasa bagi golongan berpendapatan sederhana (pendapatan isi rumah antara RM2,501 dan RM7,500 sebulan) (MHLG, Elvin, Syafiee and Chang, 2013). Antara isunya ialah *mismatch* antara harga rumah dengan pendapatan isi rumah, jenis rumah dengan kategori/aspirasi/keperluan pembeli dan lokasi rumah dengan keperluan pembeli. Antara lain keadaan ini disebabkan oleh kadar urbanisasi yang mendadak terutamanya di bandar-bandar besar. Beberapa langkah telah diambil bagi menangani isu ini seperti Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA). Bagi PPR kerajaan menyasarkan pembinaan 20,500 unit dengan peruntukan RM543 million untuk 45 projek. Bagi PR1MA pula, dana sebanyak RM1.2 billion untuk membina 80,000 unit rumah di kawasan strategik dalam tahun 2013 telah disediakan (Elvin, 2013, ms. 156).

Merujuk kepada keperluan tempat tinggal bagi golongan asnaf³⁷, mereka termasuklah fakir³⁸ dan miskin³⁹. Mereka boleh dikatakan tergolong dalam lingkungan berpendapatan rendah atau lebih teruk dari itu tiada mempunyai pekerjaan atau pendapatan. Lebih menyedihkan jika mereka adalah golongan hilang upaya akibat sakit, cacat atau tua, tiada tempat tinggal, kemudahan kesihatan dan makanan. Keadaan ini perlu ditangani dengan baik kerana kemiskinan itu boleh membawa kepada kekufturan⁴⁰. Oleh itu Islam mensyariatkan zakat⁴¹ dan pengagihannya kepada asnaf bagi menjamin kelangsungan hidup manusia dan pembangunan sosio ekonomi ummat Islam. Dalam soal pengagihan zakat, *haddul kifayah* adalah penilaian penting bagi menentukan kelayakan menerima zakat. Ia bergantung kepada bilangan isi rumah dan lokasi samada bandaraya, bandar atau luar bandar. Keperluan asas yang diambilkira ialah **tempat tinggal**, makanan dan minuman, pakaian, perubatan, pendidikan dan pengangkutan⁴².

JOHOR	
PERAK	
SELAANGOR	
SARAWAK	
KEDAH	
PERLIS	
PENANG	
W. SEMBILAN	
NEGERI SABAH	
NEGERI SULTAN	

37. Al-Taubah:60 yang bermaksud “sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan ‘amil-‘amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan...”
38. fakir ialah seseorang yang tidak mempunyai apa-apa harta atau pekerjaan halal atau yang menerima pendapatan tidak sampai 50 peratus daripada keperluan asas harian diri dan tanggungannya mengikut ukuran hidup yang sederhana.
39. miskin ialah seseorang yang mempunyai harta atau pendapatan yang melebihi 50 peratus tetapi tidak mencapai had kifayah untuk keperluan asas harian diri dan tanggungannya.
40. Hadis Rasulullah dari hadis Hajjaj bin Farafisah dari Yazid al-Ruqashy dari Anas bin Malik r.a. yang bermaksud: **Maka sesungguhnya kefakiran itu hampir-hampir mengundang kekufturan.** (Hadis berkenaan ada disebut di dalam kitab-kitab berikut: Hilyah al-Awliya oleh Abu Nu'aim - Jil:3, m/s: 53, Shuab al-Imran, hadis nombor: 6612 oleh al-Bayhaqi, Al-Itlal al-Mutanahiyah, hadis nombor: 1346 oleh Ibnu al-Jawzy, Faydh al-Qadir, hadis nombor: 9233 oleh al-Manawy, Tuhfat al-Ahwazy: Jil:7, m/s: 17 oleh al-Mubarakfury (India), haif al-Jami, hadis nombor 4148 oleh al-Albany, Al-Itlal al-Mutanahiyah, hadis nombor: 1346 oleh Ibnu al-Jawzy, Faydh al-Qadir, hadis nombor: 9233 oleh al-Manawy). Artikel penuh http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0306&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_04.htm#ixzz3AQch15UG
41. Al-Quran: An-Nur:56 yang bermaksud “Dan dirikanlah solat dan keluarkanlah zakat dan taatlah kepada Rasul supaya kamu mendapat rahmat”
42. Rasulullah SAW telah bersabda yang bermaksud : “Empat perkara yang membawa kebahagiaan iaitu wanita yang solehah, rumah yang luas, jiran yang baik dan kenderaan yang selesa.” (Hadis Riwayat Ibnu Hibban)

Keperluan tempat tinggal yang mendesak bagi golongan asnaf dan berpendapatan rendah di Malaysia dapat disimpulkan daripada data Projek Perumahan Rakyat seperti jadual berikut:⁴³

Jadual 1: Projek Perumahan Rakyat untuk Disewa dan Dijual (2001-2012)

NEGERI	PPR UNTUK DISEWA (RM124/BULAN)		PPR UNTUK DIJUAL (RM 35K-RM42K)	
	NO PROJEK	NO UNIT	NO PROJEK	NO UNIT
KUALA LUMPUR	25	32,762	0	0
SABAH	15	13,256	0	0
JOHOR	7	7,108	0	0
PERAK	6	675	0	0
SELANGOR	3	4,884	0	0
SARAWAK	3	1,516	0	0
KEDAH	2	1,894	0	0
PERLIS	2	1,228	0	0
PENANG	2	698	0	0
N. SEMBILAN	1	420	0	0
MELAKA	1	336	0	0
PAHANG	0	0	23	3,109
TOTAL	67	64,777	23	3,109

Menurut Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)(2013:ms 113), kedapatan seramai 71,662 orang setinggan yang mendaftar untuk penempatan semula di seluruh Malaysia. Jika separuh daripadanya adalah beragama Islam, ini bermakna sebanyak 35,831 unit rumah adalah keperluan bagi golongan asnaf atau berpendapatan rendah Muslim. Ini disokong dengan data peratusan penduduk berbangsa Melayu iaitu 50% dan peratusan pengagum agama Islam iaitu 61.3% di Malaysia (Jabatan Statistik Malaysia, 2013). Hubungkait antara bangsa Melayu dan agama Islam ini boleh dibuat memandangkan Perlembagaan Persekutuan mentakrifkan Melayu dalam Artikel 160(2) sebagai beragama Islam, lazim bercakap bahasa Melayu dan mengamalkan adat istiadat

Melayu. Jika kita mengambil kira harga maksimum jualan sebuah unit PPR iaitu RM42,000.00 sebagai kos pembinaannya, maka RM1,504,902,000.00 diperlukan bagi membina 35,831 unit rumah seperti keperluan di atas. Ini boleh ditampung sebahagian atau keseluruhannya oleh lebihan agihan zakat. Menurut statistik kutipan zakat mengikut negeri dari tahun 2005 sehingga 2009, terdapat lebihan sebanyak RM969,276,116.00 bagi seluruh negeri di Malaysia bagi tempoh yang sama (JAWHAR, 2010, ms. 2) seperti tertera dalam Jadual dibawah.

NEGERI	NO PROJEK	NO UNIT	NO PROJEK	NO UNIT	TOTAL	JUMLAH	PERSEN	SIRKU	SIRKU (%)	JUMLAH	PERSEN	SIRKU (%)
KUALA LUMPUR	25	32,762	0	0	25	32,762	0	0	0	32,762	0	0
SABAH	15	13,256	0	0	15	13,256	0	0	0	13,256	0	0
JOHOR	7	7,108	0	0	7	7,108	0	0	0	7,108	0	0
PERAK	6	675	0	0	6	675	0	0	0	675	0	0
SELANGOR	3	4,884	0	0	3	4,884	0	0	0	4,884	0	0
SARAWAK	3	1,516	0	0	3	1,516	0	0	0	1,516	0	0
KEDAH	2	1,894	0	0	2	1,894	0	0	0	1,894	0	0
PERLIS	2	1,228	0	0	2	1,228	0	0	0	1,228	0	0
PENANG	2	698	0	0	2	698	0	0	0	698	0	0
N. SEMBILAN	1	420	0	0	1	420	0	0	0	420	0	0
MELAKA	1	336	0	0	1	336	0	0	0	336	0	0
PAHANG	0	0	23	3,109	23	3,109	0	0	0	3,109	0	0
TOTAL	67	64,777	23	3,109								

43. Data yang lebih tepat bagi mengetahui keperluan rumah di kalangan asnaf ialah dengan mendapatkan bilangan permohonan bantuan zakat bagi Skim 5 iaitu membaiki, membina atau pendahuluan pembelian rumah kos rendah dan Skim 6 iaitu pembinaan rumah dan jumlah agihannya bagi setiap negeri di Malaysia.

Jadual 2 - Statistik Kutipan Zakat Mengikut Negeri Dari Tahun 2005 Sehingga 2009

NEGERI	2005 (RM)	2006 (RM)	2007 (RM)	2008 (RM)	2009 (RM)	JUMLAH (RM)
Kuala Lumpur	49,357,154.03	43,407,348.96	64,822,119.99	74,296,449.99	97,419,659.56	317,417,671.44
Kedah	30,185,661.45	27,449,471.23	36,062,046.00	42,133,197.23	56,000,795.90	181,852,881.89
Kelantan	29,372,551.46	21,742,632.63	24,313,030.07	25,302,009.32	56,478,842.33	148,043,885.88
Melaka	13,821,995.65	18,192,093.87	17,906,956.03	20,723,735.56	32,157,484.91	102,802,266.02
N.Sembilan	22,254,227.84	24,721,037.54	31,192,172.08	36,818,211.08	41,211,752.35	156,197,400.89
P.Pinang	21,340,846.00	26,253,904.27	30,014,842.80	45,602,321.00	51,861,561.23	175,073,475.30
Pahang	13,696,293.87	18,546,514.93	22,476,848.26	22,227,762.00	46,753,309.00	123,700,728.06
Perak	21,542,089.40	24,518,926.74	30,866,753.94	36,641,667.98	59,965,762.27	173,535,200.33
Perlis	5,356,243.00	6,802,349.80	11,597,569.00	15,852,621.00	26,754,490.65	66,363,273.45
Sabah	8,986,021.58	12,219,804.93	18,826,422.19	19,377,446.77	24,365,651.48	83,775,346.95
Sarawak	6,540,235.85	8,051,103.63	11,613,203.32	18,077,692.10	23,640,627.11	67,922,862.01
Selangor	101,536,521.16	135,654,172.31	174,520,087.27	188,998,771.00	276,622,582.02	877,332,133.76
Terengganu	28,052,565.11	28,695,239.72	31,759,421.50	35,808,596.88	52,578,584.77	176,894,407.98
W.Persekutuan	99,519,005.36	101,548,407.00	121,224,318.69	167,507,847.62	174,986,013.00	664,785,591.67
Jumlah	420,532,880.82	497,803,007.56	627,195,791.14	749,368,329.53	1,020,797,116.58	3,315,697,125.63
Pertambahan	70,033,015.61	77,270,126.74	129,392,783.58	251,565,321.97	271,428,787.05	
Peratus (%)	19.98	18.37	25.99	50.54	43.28	

(Sumber : Laporan Zakat PPZ-MAIWP)

Jadual 3 - Statistik Agihan Zakat Mengikut Negeri Dari Tahun 2005 Sehingga 2009

NEGERI	2005 (RM)	2006 (RM)	2007 (RM)	2008 (RM)	2009 (RM)	JUMLAH (RM)
Kuala Lumpur	37,472,092.94	43,407,348.96	64,822,119.99	74,296,449.99	97,419,659.56	317,417,671.44
Kedah	20,207,371.53	27,449,471.23	36,062,046.00	42,133,197.23	56,000,795.90	181,852,881.89
Kelantan	20,207,371.53	21,742,632.63	24,313,030.07	25,302,009.32	56,478,842.33	148,043,885.88
Melaka	13,821,995.65	18,192,093.87	17,906,956.03	20,723,735.56	32,157,484.91	102,802,266.02
N.Sembilan	22,254,227.84	24,721,037.54	31,192,172.08	36,818,211.08	41,211,752.35	156,197,400.89
P.Pinang	21,340,846.00	26,253,904.27	30,014,842.80	45,602,321.00	51,861,561.23	175,073,475.30
Pahang	13,696,293.87	18,546,514.93	22,476,848.26	22,227,762.00	46,753,309.00	123,700,728.06
Perak	21,542,089.40	24,518,926.74	30,866,753.94	36,641,667.98	59,965,762.27	173,535,200.33
Perlis	5,356,243.00	6,802,349.80	11,597,569.00	15,852,621.00	26,754,490.65	66,363,273.45
Sabah	8,986,021.58	12,219,804.93	18,826,422.19	19,377,446.77	24,365,651.48	83,775,346.95
Sarawak	6,540,235.85	8,051,103.63	11,613,203.32	18,077,692.10	23,640,627.11	67,922,862.01
Selangor	101,536,521.16	135,654,172.31	174,520,087.27	188,998,771.00	276,622,582.02	877,332,133.76
Terengganu	28,052,565.11	28,695,239.72	31,759,421.50	35,808,596.88	52,578,584.77	176,894,407.98
W.Persekutuan	99,519,005.36	101,548,407.00	121,224,318.69	167,507,847.62	174,986,013.00	664,785,591.67
Jumlah	420,532,880.82	497,803,007.56	627,195,791.14	749,368,329.53	1,020,797,116.58	3,315,697,125.63
Pertambahan	70,033,015.61	77,270,126.74	129,392,783.58	251,565,321.97	271,428,787.05	
Peratus (%)	19.98	18.37	25.99	50.54	43.28	

(Sumber : Laporan Zakat PPZ-MAIWP)

Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis telah membuat keputusan seperti berikut:

- i) Sekiranya peruntukan untuk sesuatu asnaf telah diagihkan dengan sebaik mungkin tetapi masih berbaki, maka baki tersebut hendaklah dibawa ke hadapan.
- ii) Menaikan kadar pemberian kepada asnaf khususnya asnaf fakir, miskin dan fisabilillah.
- iii) Meluaskan konsep asnaf fisabilillah dengan meningkatkan kadar bantuan kepada sekolah-sekolah agama rakyat, guru al-Quran dan sebagainya.
- iv) Peruntukan untuk asnaf fakir dan miskin perlu diagihkan dan diurus dengan lebih berkesan dan sistematik serta mendatangkan faedah jangka panjang.
- v) Penggunaan tanah wakaf dijangka dapat mengurangkan kos tersebut sekaligus lebih banyak bilangan rumah dapat disediakan. Inilah keindahan Islam yang diterjemahkan melalui pensyiaran wakaf dan zakat sebagai penjana sosio-ekonomi umat Islam. Walaupun zakat dan wakaf mempunyai hukum yang berbeza di mana zakat adalah wajib apabila cukup tempoh (haul) dan jumlah (nisab) manakala wakaf adalah amat dituntut dalam Islam, keduanya mempunyai matlamat yang sama iaitu penjana sosio-ekonomi umat Islam samada bagi jangka pendek atau panjang. Antara perbezaan lain ialah agihan zakat adalah terhad kepada lapan golongan yang dinyatakan dalam Surah Taubah ayat 60 manakala wakaf adalah untuk manfaat masyarakat Islam keseluruhannya dan syarat-syarat lain jika ada adalah tertakluk kepada si pewakaf.

2.0 SKIM BANTUAN AGIHAN ZAKAT

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri, Malaysia telah menerbitkan Manual Pengurusan Agihan Zakat untuk digunakan oleh setiap Majlis Agama Islam Negeri dalam pengagihan zakat bagi negeri masing-masing. Terdapat 32 skim bantuan agihan zakat seperti jadual di bawah, tetapi kertas kerja ini hanya akan memberi fokus kepada **Skim Lima dan Enam sahaja iaitu skim bantuan membaiki, membina rumah atau pendahuluan pembelian rumah kos rendah serta skim bantuan pembinaan rumah sejarar dengan matlamat dan objektif kertas kerja ini.**

Jadual 4: Skim Bantuan Agihan Zakat, JAWHAR, JPM Malaysia

JENIS SKIM	ASNAF YANG LAYAK MENERIMA							
	F a k i r	M i s k i n	A m i l	M u a l a f	F s b l a h	G h r m i n	R i q a b	I b s b i l
1. Skim Bantuan Kewangan Bulanan	/	/			/			
2. Skim Bantuan Pelajaran	/	/			/			
3. Skim Bantuan Perniagaan	/	/			/			
4. Skim Bantuan Deposit Sewa Beli Teksi	/	/			/			
5. Skim Bantuan Membaiki, Membina Rumah atau Pendahuluan pembelian rumah kos rendah	/	/			/			
6. Skim Bantuan Pembinaan Rumah (kerjasama dan bantuan dari agensi lain)	/	/			/			
7. Skim Bantuan Ibnussabil								/
8. Skim Bantuan Kecemasan	/	/			/	/	/	/
9. Skim Bantuan Riqab								/
10. Skim Bantuan Am Pelajaran/ Dermasiswa	/	/			/			/
11. Skim Bantuan kepada Agensi-Agenzi Kebajikan dan Institusi Dakwah					/	/		
12. Skim Bantuan Ramadan ('Idulfitri)	/	/			/			
13. Skim Bantuan Ramadan ('Iduladha)	/	/			/			
14. Skim Bantuan Rawatan Perubatan	/	/			/	/		/
15. Skim Bantuan Perkahwinan	/	/			/			
16. Skim Bantuan Deposit Sewa Rumah, Elektrik dan Air	/	/			/			

JENIS SKIM	ASNAF YANG LAYAK MENERIMA							
	F a k i r	M i s k i n	A m m i l	M u a l a f	F s b l a h	G h r m i n	R i q a b	I b s s b i l
18. Skim Bantuan Menyelesaikan Hutang						/		
19. Skim Bantuan Musibah	/	/		/	/	/		
20. Skim Bantuan Yuran Persekolah dan Peperiksaan Sekolah Rendah Menengah	/	/		/				
21. Skim Bantuan Kaunselor Sukarela					/			
22. Skim Bantuan Pengurusan Rumah Warga Emas	/	/		/				
23. Skim Bantuan Galakan Berkhatan Muallaf				/				
24. Skim Bantuan Takaful Berkelompok	/	/		/				
25. Skim Bantuan Hutang Organisasi/ Persatuan					/	/		
26. Skim Bantuan Penolong Pendaftar Nikah Cerai						/		
27. Skim Bantuan Kursus, Latihan dan Kemahiran	/	/		/	/			
28. Skim Bantuan Elaun Khas Mengikuti Kelas Agama Asas	/	/		/	/			
29. Skim Bantuan Penyelidikan dan Penerbitan					/			
30. Skim Bantuan Aktiviti/ Lawatan Belajar	/	/		/	/			
31. Skim Bantuan Elaun/ Sagu Hati Guru Agama/ Pegawai Agama					/			
32. Skim Pembangunan Projek Fardhu Kifayah					/			

Semua penerima skim bantuan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat umum berikut:

- i. Islam (kecuali golongan tertentu dalam bantuan *muallaf*)
- ii. Warganegara Malaysia/penduduk tetap (kecuali *ibnussabil*)
- iii. Bermastautin (kecuali *ibnussabil*)
- iv. Pendapatan keluarga tidak sampai had mencukupi (*haddul kifayah*)
- v. Tidak mendapat mana-mana bantuan yang mencukupi daripada pihak lain

Bagi setiap skim, syarat-syarat tambahan digariskan dalam Manual Pengurusan Agihan Zakat. Walau bagaimanapun, kertas kerja ini hanya mengenangkan syarat-syarat tambahan bagi skim lima dan enam seperti jadual di bawah:

(5) Skim Bantuan Membaiki, Membina Rumah atau Pendahuluan pembelian rumah kos rendah	(6) Skim Bantuan Pembinaan Rumah
<p>a. Pemohon memenuhi syarat-syarat umum</p> <p>b. Kerosakan rumah pemohon disebabkan bencana alam dan kezuruan usia rumah</p> <p>c. Pemohon mempunyai tanah bergeran atau mendapat kebenaran daripada tuan tanah melalui surat bertulis (surat sumpah)</p> <p>d. Pemohon memiliki lesen menduduki sementara (TOL) Pejabat Tanah atau</p> <p>e. Pemohon telah mendapat tawaran membeli rumah kos rendah dari Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri</p>	<p>a. Pemohon memenuhi syarat-syarat umum</p> <p>b. Pemohon tidak mempunyai rumah lain</p> <p>c. Terpilih oleh pihak berkuasa</p>

Bagi Skim (5), pembaikan atau pembinaan rumah dibuat melalui kontraktor, tukang atau secara bergotong-royong. Bayaran akan dibuat kepada kontraktor yang berdaftar dengan Majlis Agama Islam atau kepada pembekal atau bayaran pendahuluan pembelian rumah kos rendah dibayar terus kepada pihak pemaju. Manakala bagi

Skim (6), perumahan berkenaan akan ditempatkan dalam kawasan tertentu yang dikenalpasti dengan melantik kontraktor berdaftar dengan Majlis Agama Islam. Dalam hal melantik kontraktor, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) boleh merujuk kepada senarai kontraktor yang berdaftar dengan *Construction Industry Development Board* (CIDB) bagi menjamin ketelusan dan ketanggungjawaban projek. Ini mesti dibuat dengan teliti kerana kejayaan projek adalah pra-syarat kepada pelaburan wang zakat. Dalam hal pelaburan harta zakat, Majma' al-Fiqh al-Islami dalam seminarnya yang ketiga yang diadakan di Kuwait bertarikh 8-9 Jamadil Akhir 1413H bersamaan 2-3 Disember 1992M telah membuat ketetapan bahawa harta zakat boleh dilaburkan tetapi mesti menepati syarat-syarat berikut :

- (i) Bilamana sudah tidak ada lagi agihan saraan mendadak yang mesti diberikan melalui harta zakat.
- (ii) Pelaburan tersebut hendaklah dilakukan dengan sempurna iaitu perjalannya sama seperti lain-lain pelaburan dan ianya mestilah berlandaskan syariat.
- (iii) Hendaklah diadakan jaminan bahawa harta asal zakat yang dilaburkan adalah tetap harta zakat dan begitu juga keuntungannya.
- (iv) Apabila ada keperluan mendadak iaitu perlu diagihkan harta zakat atas keperluan yang terdesak maka harta zakat yang dijadikan modal pelaburan tadi hendaklah mudah dicairkan.
- (v) Hendaklah dibuat kajian terperinci berkenaan dengan satu-satu pelaburan yang hendak diusahakan menggunakan harta zakat yang mana perlu dipastikan pelaburan/ perniagaan tersebut terjamin selamat serta mudah dicairkan bila perlu.
- (vi) Hendaklah mendapatkan kelulusan dari pemerintah ataupun mana-mana pihak yang bertanggungjawab atas harta zakat. Ianya untuk memelihara dasar-dasar syariat dan pelaburan tersebut mestilah dikendalikan oleh satu badan yang terdiri dari mereka yang berpengalaman dalam bidang pelaburan serta yang lebih penting ialah amanah.

Berdasarkan syarat-syarat di atas, pelaburan harta zakat bagi tujuan Skim 5 dan 6 memerlukan pengurusan yang teliti dan sistematis. Dalam hal ini, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan melalui Baitulmalnya telah mengagihkan sebanyak RM861,866.00 kepada 56 penerima bantuan baiki dan bina rumah serta

RM3,605,322.00 kepada 2,273 penerima bantuan deposit sewa dan sewa bulanan rumah dalam tahun 2013 (Sisipan Khas PPZ, Jumaat 26 September 2014, Sinar Harian). Ini bermakna konsep penggunaan harta zakat untuk tujuan perumahan telah wujud di Malaysia. Walau bagaimanapun, pelaburan harta zakat bagi tujuan perumahan untuk jangka masa panjang memerlukan penitian yang mendalam apatah lagi jika melibatkan pendirian di atas tanah wakaf.

3.0 PEMBINAAN RUMAH ASNAF ATAS TANAH WAKAF

Penulis melihat ada potensi hubung jalin antara zakat dan wakaf khususnya dalam mengangani isu perumahan bagi golongan asnaf di Malaysia. Secara ringkasnya, zakat menyediakan dana bagi projek perumahan golongan asnaf di atas tanah wakaf tertakluk kepada syarat-syarat tertentu dari segi hukum Islam yang sedikit sebanyak telah digariskan dalam Majma' al-Fiqh al-Islami di atas. Usaha ini dapat menginovasi pentadbiran zakat dan wakaf di Malaysia sekaligus bertindak sebagai penjana sosio-ekonomi ummat Islam dengan lebih efektif.

Pandangan penulis di atas adalah berdasarkan projek-projek perumahan dan hotel di atas tanah-tanah wakaf seperti Rancangan Malaysia Ke- 9 memperuntukkan RM60 juta untuk membina lima hotel berlandaskan Islam atas tanah wakaf yang dikenal pasti di Johor. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Tabung Haji melalui kerjasama strategik telah membina bangunan 34 tingkat di Jalan Perak, Kuala Lumpur bernilai RM151 juta; Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP) membina 165 unit rumah kos rendah, kedai, pusat rawatan Islam di kawasan wakaf Lebuh Acheh dan RM250 juta untuk pembangunan tanah wakaf di seluruh Malaysia diperuntukkan oleh kerajaan dalam tahun 2007. Projek-projek sebegini boleh unlock nilai tanah dan keuntungan yang diperolehi boleh menjana tabung wakaf di Malaysia. Walau bagaimanapun, usaha ini boleh ditambah baik dengan usahasama antara institusi wakaf dan zakat bagi mendirikan rumah-rumah golongan asnaf yang bukan bertujuan untuk meningkatkan nilai tanah sahaja malah untuk memenuhi tanggungjawab agama dan sosial (Khairuddin, 2014). Memandangkan Malaysia mengamalkan sistem *plan-led* dalam perancangan fizikalnya, wajar kedudukan dan penggunaan tanah-tanah wakaf dimasukkan dalam rancangan tempatan bagi sesuatu kawasan. Rancangan Tempatan ini bersifat statutori yang mengikat Pihak Berkusa Tempatan (PBT) dalam kelulusan pembangunan. Hubungan kerjasama antara pelbagai pihak seperti MAIN, JAWHAR, KPKT, JKM, JPBD, PBT, Pejabat Tanah, CIDB, JKR dan ahli akademik dalam tadbir urus dan pembangunan tanah wakaf boleh memaksimumkan manfaatnya kepada sosioekonomi umat Islam.

NEGERI	KELUASAN KAWASAN WAQF		JUMLAH KELUASAN	NILAI TANAH YANG DIWAKAFKAN		
	KELUASAN HEKTAR					
	UMUM	SPESIFIK				
JOHOR	1,422.80	1,729.50	3,152.30	7,000,500.00		
KEDAH	157.65	1,081.24	1,238.88	1,964.00		
KELANTAN	16.01	157.04	173.06	56,443,073.00		
MELAKA	11.65	21.6	33.25	66.5		
NEGERI SEMBILAN	1.01	14.49	15.5	36		
PAHANG	0	723.82	723.82	18,000,000.00		
PERAK	116.12	0	116.12	383		
PERLIS	2.74	14.49	17.23	1,337,998.00		
PULAU PINANG	220.03	559.23	779.26	850,000,000.00		
SABAH	4,339.73	57.22	4,396.95	61		
SARAWAK	6.86	4.04	10.9	1,416,781.90		
SELANGOR	235.63	31.82	267.45	200,000,000.00		
TERENGGANU	393.79	5,423.75	5,817.54	54,968,239.35		
W.P KUALA LUMPUR	0.49	1.59	2.08	16		
JUMLAH	6,924.51	64,777	16,744.34	3,109		

Rasional kepada penyediaan tempat tinggal bagi golongan asnaf dengan menggunakan tanah wakaf dan zakat adalah berdasarkan kepada fakta-fakta berikut:

1. Keperluan rumah yang mendesak bagi golongan asnaf dan berpendapatan rendah
2. Lebihan agihan zakat selain daripada keperluan mendesak
3. Kedapatan tanah-tanah wakaf untuk diusahakan
4. Penerimaan konsep pelaburan harta zakat
5. Hikmah pensyariatan zakat dan wakaf sebagai penjana sosio-ekonomi ummat Islam

4.0 KESIMPULAN

Sebagai memenuhi tanggungjawab agama dan sosial, penyediaan tempat tinggal bagi golongan asnaf perlu diberi perhatian serius kerana ia melibatkan perkara daruriyyat yang mana kegagalan menyediakan akan menjelaskan norma-norma kehidupan manusia. Kerjasama antara wakaf dan institusi zakat dilihat dapat mengurangkan masalah ini di samping menjadi jalan keluar kepada kritikan-kritikan yang dilontarkan terhadap pentadbiran wakaf dan zakat yang dikatakan kurang efisen dalam menangani isu kemiskinan di kalangan umat Islam. Institusi ini boleh bekerjasama dengan pakar-pakar pengurusan harta untuk menjamin kemampuan projek-projek di bawah wakaf dan zakat. Justeru, model kerjasama antara agensi-agensi yang terlibat dalam pembangunan harta wakaf dan zakat perlu diwujudkan bagi menjamin kelangsungan sesuatu projek dan menepati syarat-syarat bagi pelaburan harta zakat yang digariskan oleh Majma' al-Fiqh al-Islami. Dalam hal kerjasama ini, tidak perlu wujud kekangan pentadbiran antara kerajaan Persekutuan dan Negeri dalam bidangkuasa agama.

RUJUKAN

- Ab. Rahim Zakaria. *Pengurusan Zakat Kontemporari*. Jurnal Pengurusan JAWHAR Vol 1, No. 1, 2007. ISSN 1985-2010
- Abd. Ghafar Ismail and Noraziah Che Arshad. *Pengurusan Zakat dan Wakaf di Malaysia: Satu Langkah ke Hadapan*. Jurnal Pengurusan JAWHAR Vol 3, No. 2, 2009. ISSN 1985-2010
- Abd. Halim Mohd Noor, Rozman Md. Yusof & Ahmad Che Yaacob. *Performance Indicator Model for Zakat Institution*. Jurnal Pengurusan JAWHAR Vol 1, No. 2, 2007. ISSN 1985-2010
- Abu Bakar Manat. *Isu-Isu Semasa Berhubung Pembangunan Tanah Wakaf*. Jurnal Pengurusan JAWHAR Vol 1, No. 1, 2007. ISSN 1985-2010
- Ahmad Raflis Che Omar. *Harta Wakaf dan Keusahawanan; Suatu Analisis Konseptual*. Jurnal Pengurusan JAWHAR Vol 4, No. 2, 2010. ISSN 1985-2010
- Ali Hasan Ali Abdul Hameed.(2006). Neighbour's Rights According to the Sunnah and the Example of the Salaf. Dar Ibn Hazm:Riyadh, Saudi Arabia.

Amir Husin Mohd Nor. *Peningkatan Kutipan Zakat di Malaysia: Analisa Faktor*. Jurnal Pengurusan JAWHAR Vol 4, No. 2, 2010. ISSN 1985-2010

Azman Mohd Nor and Saidatolakma Mohd Yunus. (2012). The Application of BOT Contract as a Mode of Financing in Developing Waqf Land: Malaysia Experience, In Kobayashi, K., and Khairuddin Abdul Rashid, et al. (2012). *Joint Ventures in Construction 2*. London: Thomas Telford, pp49-66.

Chang Kim Loong.(2013). *The Housing Affordability Question. Housing Needs and Aspirations*. In Housing the Nation:Policies, Issues and Prospects. Cagamas:Kuala Lumpur.

Elvin Fernandez.(2013). *Key Issues for Housebuyers*. In Housing the Nation:Policies, Issues and Prospects. Cagamas:Kuala Lumpur.

Hailani Muji Tahir. *Konsep Agihan Zakat Dan Aplikasi Semasa*. Jurnal Pengurusan JAWHAR Vol 3, No. 1, 2009. ISSN 1985-2010

Hasan Bahrom and Syawal Kaslam. *Amalan 'Corporate Governance' dalam Pengurusan Institusi Zakat di Malaysia*. Jurnal Pengurusan JAWHAR Vol 1, No. 2, 2007. ISSN 1985-2010

Hasnol Zam Zam Ahmad. *Cabar Dalam Mempertingkatkan Potensi Pembangunan Tanah Wakaf*. Jurnal Pengurusan JAWHAR Vol 1, No. 1, 2007. ISSN 1985-2010

Hydzulkifli Hashim and Asmak Ab. Rahman. *Pengurusan Pembangunan Harta Wakaf Secara Komersil Yang dilaksanakan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (MAIPKL)*. Jurnal Pengurusan JAWHAR Vol 7, No. 1, 2013. ISSN 1985-2010

Jamal Paiman. *Al-Ghazali's Ethics: Zakat and Its Relationship to Organizational Structure Among Government -Linked Company (GLC) in Malaysia*. Jurnal Pengurusan JAWHAR Vol 3, No. 1, 2009. ISSN 1985-2010

Khairuddin Abd. Rashid and Sharina Farihah Hasan. *Capability of A Country's Construction Industry to Combat Poverty: A Case Study on the OIC Member Countries*

Kobayashi, K., Khairuddin Abdul Rashid, et al. (2012). *Joint Ventures in Construction*. London: Thomas Telford.

Kompilasi Hukum dan Fatwa Berkaitan Wakaf, Zakat, Haji & Sumber Am. (2012). Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). Jabatan Perdana Menteri. Putrajaya

Mahyuddin Abu Bakar and Abdullah Abd.Ghani. *Towards Achieving the Quality of Life in the Management of Zakat Distribution to the Rightful Recipients (The Poor and Needy)*. International Journal of Business and Social Science, Vol 2. No.4: March 2011

Manual Pengurusan Agihan Zakat. (2009). Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). Jabatan Perdana Menteri. Kuala Lumpur

* *Manual Pengurusan Istibdal Wakaf*. (2010). Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). Jabatan Perdana Menteri. Putrajaya

Manual Pengurusan Model Perundangan Zakat. (2009). Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). Jabatan Perdana Menteri. Putrajaya

Manual Pengurusan Tanah Wakaf. (2009). Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). Jabatan Perdana Menteri. Kuala Lumpur

Mohd Afandi Mat Rani. *Instrumen Wakaf: Agen Transformasi Ekonomi Orang Melayu Di Malaysia*. Jurnal Pengurusan JAWHAR Vol 6, No. 2, 2012. ISSN 1985-2010

Mohd Afendi Mat Rani and Sayuti Abd. Ghani. *Implikasi Perundangan Terhadap Pendaftaran Tanah Wakaf di Malaysia: Satu Kajian Dari Aspek Akta Pengambilan Tanah 1960*. Jurnal Pengurusan JAWHAR Vol 4, No. 2, 2010. ISSN 1985-2010

Muhammad Yamin Ismail. *Pelaksanaan Agihan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAWP)*. Jurnal Pengurusan JAWHAR Vol 1, No. 2, 2007. ISSN 1985-2010

Mujaini Tarimin. *Memantapkan Pelaksanaan Agihan Zakat oleh Institusi Zakat di Malaysia: Satu Saran Penambahbaikan*. Jurnal Pengurusan JAWHAR Vol 3, No. 1, 2009. ISSN 1985-2010

Mursalin Daeng Maggangka. *Serahkan Zakat Anda Kepada Pemerintah: Satu Sorotan Dari Perspektif Sejarah Dan Hukum Syarak*. Jurnal Pengurusan JAWHAR Vol 4, No. 2, 2010. ISSN 1985-2010

Musa Ahmad, Ariffin Md. Salleh & Abdullah Hj. Said. *Penerokaan Sumber Baru dalam Zakat di Malaysia*. Jurnal Pengurusan JAWHAR Vol 1, No. 1, 2007. ISSN 1985-2010

Mustafa Mohd Hanefah, Abdullah Jalil et al. *Financing the Development of Waqf Property: The Experience of Malaysia and Singapore*.

Mustaphayuddin Abdul Khalim and Noor Hani Zakaria. *Peranan Fatwa Dalam Pengurusan Wakaf Negeri Johor*. Jurnal Pengurusan JAWHAR Vol 6, No. 2, 2012. ISSN 1985-2010

Nasrul Hisyam Nor Muhammad and Mohd Azli Abdullah. *Keberkesanan Pengurusan Zakat Secara Korporat: Tinjauan Prestasi Kutipan Zakat Harta Negeri Pahang Tahun 2000-2010*. Jurnal Pengurusan JAWHAR Vol 6, No. 1, 2012. ISSN 1985-2010

Norilawati Ismail. *Isu-isu Perundangan Dalam Pentadbiran Dan Pengurusan Wakaf dan Zakat di Malaysia*. Jurnal Pengurusan JAWHAR Vol 6, No. 1, 2012. ISSN 1985-2010

Patmawati Ibrahim. *Zakah as An Islamic Micro-Financing Mechanism to Productive Zakah Recipients*. Asian Economic and Financial Review, 2014, 4(1): 117-125

Rosbi Abd. Rahman, Sanep Ahmad & Hailani Muji Tahir. *Penilaian Komprehensif Keberkesanan Agihan Zakat Mengikut Perspektif Maqasid al-Syariah*. Jurnal Pengurusan JAWHAR Vol 3, No. 2, 2009. ISSN 1985-2010

Sanep Ahmad and Nur Diyana Muhamed. *Wakaf Dalam Agenda Pembangunan Ekonomi Negara di Malaysia*. Jurnal Pengurusan JAWHAR Vol 5, No. 1, 2011. ISSN 1985-2010

Sanep Ahmad, Aniza Hussin & Rosbi Abd. Rahman. *Bantuan Modal Zakat dan Kejayaan Usahawan Asnaf: Isu Penentuan Jumlah Modal Optimum*. Jurnal Pengurusan JAWHAR Vol 6, No. 1, 2012. ISSN 1985-2010

Shamsiah Abdul Karim. *Contemporary Waqf Administration and Development in Singapore: Challenges and Prospects*. Islamic Religious Council of Singapore (MUIS)

Siti Mashitoh Mahamood, Asmak Abd. Rahman et al. *Konsep Wakaf Sebagai Instrumen Pembangunan Harta Tanah di Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI)*. Jurnal Pengurusan JAWHAR Vol 1, No. 2, 2007. ISSN 1985-2010

Sohaimi Mohd Salleh and Syarqawi Muhammad. *Waqaf Development in Malaysia: Issues and Challenges*. Jurnal Pengurusan JAWHAR Vol 2, No. 1, 2008. ISSN 1985-2010

Suraiya Ishak, Ahmad Raflis Che Omar & Amal Hayati. *Pembangunan Kapasiti Ekonomi Asnaf Miskin: Kes Lembaga Zakat Selangor*. Jurnal Pengurusan JAWHAR Vol 3, No. 2, 2009. ISSN 1985-2010

Syafiee Shuid.(2013). *Case Studies in Public Housing*. In *Housing the Nation:Policies, Issues and Prospects*. Cagamas:Kuala Lumpur.

The Ministry of Urban Wellbeing, Housing and Local Government.(2013). *The National Housing Policy*. In *Housing the Nation:Policies, Issues and Prospects*. Cagamas:Kuala Lumpur.

Zulkifli Hasan. *An Overview of the Effectiveness of the Administration of Waqf Land in Malaysia*.

prinsip-prinsip koperasi. Zakat Perniagaan adalah salah satu daripada komponen zakat yang wajib ditunaikan oleh individu muslim yang bergelar usahawan dan tidak terkecuali juga sektor koperasi. Koperasi juga diwajibkan untuk membayar zakat hasil daripada harta perniagaannya. Kajian ini cuba menganalisis terhadap kesedaran membayar zakat perniagaan oleh koperasi di Negeri Selangor yang diuruskan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS). Kajian ini telah menggomskan dua kutipan zakat perniagaan koperasi bagi Negeri Selangor dan telah dianalisis dengan menggunakan kaedah deskriptif untuk menggambarkan hasil kajian secara lebih jelas. Kutipan zakat perniagaan di Negeri Selangor oleh LZS sangat berkembang dan telah menunjukkan peningkatan secara positif sepanjang 20 tahun beroperasi, sehingga kutipan zakat perniagaan menjadi kutipan yang kedua tertinggi selepas Zakat Pendapatan. Ia dikatakan didorong oleh beberapa faktor antaranya sikap individu, lnej, institusi zakat, kaitangan institusi zakat dan undang-undang atau fatwa.

Perkataan Teras

: Kesedaran, Zakat Perniagaan, Koperasi

Klasifikasi IEJ

G28, H83, Z12

44. Pelajar Sarjana Ekonomi Islam, FEP, UKM. www.ukm.edu.my
45. Penyayarah Kanan di Pusat Pengajian Ekonomi, FEP, UKM. www.ukm.edu.my
46. Prof. Madya di Pusat Pengajian Ekonomi, FEP, UKM. www.ukm.edu.my